

D.R. 9/93

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 1993. Tajuk ringkas-
2. Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memansuhkan Fasal (8) Perkara 43. Pindaan Perkara 43.
3. Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda, dalam Fasal (1)— Pindaan Perkara 54.
 - (a) dengan menggantikan perkataan "oleh Suruhanjaya Pilihanraya adanya kekosongan" dengan perkataan "oleh Yang Dipertua Dewan Negara bahawa adanya kekosongan atau oleh Suruhanjaya Pilihanraya bahawa adanya kekosongan luar jangka, mengikut mana-mana yang berkenaan"; dan

- (b) dengan menggantikan proviso yang kedua dengan proviso baru yang berikut:

"Dengan syarat selanjutnya bahawa, jika kekosongan luar jangka di Dewan Rakyat dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Parlimen hendaklah, mengikut Fasal (3) Perkara 55, menjadi bubar, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Yang Dipertua Dewan Rakyat memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Rakyat terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan sedemikian kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima."

Pindaan
Jadual
Kelapan.

4. Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam seksyen 9 dengan menggantikan proviso kepada subseksyen (5) dengan proviso baru yang berikut:

"Dengan syarat bahawa jika kekosongan luar jangka itu dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Undangan hendaklah, mengikut subseksyen (3) menjadi bubar, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Speaker memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Undangan terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan itu kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima."

Pindaan
Jadual
Kesebelas.

5. Jadual Kesebelas kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan rmemasukkan dalam ruang pertama di tempat yang dikehendaki mengikut susunan bilangan angka "39" dan bersetentangan dengannya, dalam ruang kedua, yang berikut:

"Pentafsiran kuasa untuk melanjutkan masa—

Jika dalam mana-mana undang-undang bertulis masa ditetapkan untuk melakukan apa-apa

perbuatan atau mengambil apa-apa presiding dan kuasa diberikan kepada sesuatu mahkamah atau pihak berkuasa lain untuk melanjutkan masa itu, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, kuasa itu boleh dijalankan oleh mahkamah atau pihak berkuasa lain itu walaupun permohonan bagi pelanjutan masa itu tidak dibuat sehingga selepas habis masa yang ditetapkan."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda Perkara 43 Perlembagaan dengan memotong Fasal (8). Pindaan ini membolehkan seseorang yang menjadi ahli Dewan Undangan Negeri untuk terus menjadi ahli sedemikian walaupun dia dilantik menjadi Menteri.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda Fasal (1) Perkara 54 untuk membolehkan Yang Dipertua Dewan Negara memastikan bahawa ada kekosongan di Dewan Negara. Sebagai tambahan./a^a/ (3) juga bertujuan menggantikan proviso kedua kepada Fasal (1) dengan memperuntukkan bahawa dalam hal jika kekosongan luar jangka di Dewan Rakyat dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Parlimen hendaklah, mengikut Fasal (3) Perkara 55, menjadi bubar, maka kekosongan itu tidak boleh diisi melainkan jika Yang Dipertua Dewan Rakyat memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya bahawa kekosongan luar jangka itu menjejaskan kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Rakyat, dan dalam hal itu kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari penerimaan pemberitahuan itu.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 9 Jadual Kelapan untuk mengadakan proviso kepada subseksyen (5) yang bersamaan dengan proviso kedua dalam Fasal (8) Perkara 54. Ini adalah untuk memastikan bahawa Perlembagaan Negeri-Negeri akan konsisten dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan pengisian kekosongan luar jangka.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda Jadual Kesebelas kepada Perlembagaan Persekutuan untuk memasukkan seksyen 39 Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 ke dalamnya supaya peruntukan seksyen itu akan juga terpakai bagi maksud pentafsiran Perlembagaan Persekutuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan kewangan tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1765]